

PANDUAN MENGHIDUPKAN MALAM NISFU SYA'BAN

1. MUKADIMAH

Malam Nisfu Syaaban adalah antara malam yang mempunyai kelebihan dan keistimewaan. Sebabnya, pada malam tersebut Allah *subhanahu wata'ala* akan memberi keampunan dan menerima doa orang yang bermunajat kepada-Nya. Sabda Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* :

عَنْ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ :
((يَطْلُعُ اللَّهُ عَلَى حَلْقِهِ لَيْلَةَ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ، فَيَغْفِرُ لِجَمِيعِ خَلْقِهِ إِلَّا
لِمُشْرِكٍ أَوْ مُشَاجِّنٍ))

Maksudnya : Daripada Mu'az bin Jabal radhiallahu anhu, beliau meriwayatkan bahawa Nabi *sallallahu alaihi wasallam* bersabda : “Allah memerhatikan para makhluk-Nya (hamba-Nya) (sedangkan Dia Maha Mengetahui) pada Malam Nisfu Sya'ban, lalu Dia akan **memberi keampunan** kepada semua makhluk-Nya kecuali seseorang yang menyengutukan Allah atau seseorang yang saling bermusuhan (sesama muslim)/ ahli bid'ah.

(Riwayat Imam at-Tabarani *rahimahullah* dengan sanad yang saih)

* Imam al-Haythami *rahimahullah* menyatakan bahawa semua perawi di dalam sanad riwayat Imam at-Tabarani *rahimahullah* ini adalah *thiqat* (رجاله ثقات).

Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* telah menyatakan di dalam kitabnya *al-Umm* :

وَبَلَغَنَا أَنَّهُ كَانَ يُقَالُ: إِنَّ الدُّعَاءَ يُسْتَجَابُ فِي خَمْسِ لَيَالٍ فِي لَيْلَةِ الْجُمُعَةِ،
وَلَيْلَةِ الْأَضْحَى، وَلَيْلَةِ الْفِطْرِ، وَأَوَّلِ لَيْلَةٍ مِنْ رَجَبٍ، وَلَيْلَةَ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ

Maksudnya : Dan telah sampai ke pengetahuan kami bahawa dikatakan : “Sesungguhnya **doa itu dimustajabkan** pada lima (5) malam iaitu pada malam Jumaat, malam Idil Adha, malam Idil Fitri, malam awal bulan Rejab dan malam Nisfu Sya'ban.”

Justeru, umat Islam hendaklah mengambil peluang dengan keistimewaan yang terdapat pada malam tersebut melalui memperbanyakkan amalan seperti melakukan solat-solat sunat, membaca al-Quran, berzikir dan berdoa bagi mendapatkan kelebihan, rahmat dan keampunan yang istimewa daripada Allah *subhanahu wata'ala*.

2. PELAKSANAAN

Pelaksanaan bagi menghidupkan malam Nisfu Sya'ban ini dianjurkan untuk dilakukan seperti ketetapan berikut :

Tarikh	: 24 Februari 2024M (bersamaan dengan malam 15 Sya'ban 1445H)
Hari	: Sabtu malam Ahad
Masa	: Bermula dengan masuknya waktu Maghrib

3. KADEAH MENGHIDUPKAN MALAM NISFU SYA'BAN

A. SOLAT MAGHRIB

1. Azan Maghrib dan Iqamah
2. Solat Maghrib berjemaah dengan membaca Qunut Nazilah pada *i'tidal* di rakaat yang terakhir. (Sila rujuk **LAMPIRAN A**).
3. Membaca wirid dan doa.
4. Solat sunat *ba'diyyah* Maghrib.
5. Beristighfar sebanyak tiga (3) kali. Contoh lafaznya :

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ، الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَقُّ الْقَيُّومُ، وَأَتُوبُ إِلَيْهِ

Maksudnya : *Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Besar, yang tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Tetap hidup, Yang Kekal selama - lamanya mentadbirkan (sekalian makhlukNya), dan aku memohon taubat kepada-Nya.*

6. Membaca Surah al-Fatiyah sebanyak satu (1) kali.

7. Membaca Surah Yaasin dengan baik dan bertajwid sebanyak satu (1) kali atau tiga (3) kali. Niatkan untuk memohon :
 - i. Dipanjangkan umur bagi mentaati segala perintah Allah *subhanahu wata'ala* dan menjauhi segala larangan-Nya;
 - ii. Ditetapkan iman yang sempurna sehingga meninggal dunia kelak, dan;
 - iii. Keluasan rezeki yang halal serta diberkati.
8. Membaca Doa Yaasin. (Sila rujuk **LAMPIRAN B**).
9. Membaca Doa Nisfu Sya'ban (Sila rujuk **LAMPIRAN C**)

B. SOLAT ISYAK

1. Azan Isyak
2. Solat sunat *qabliyyah* Isyak
3. Iqamah solat Isyak
4. Solat Isyak berjemaah dengan membaca Qunut Nazilah pada *i'tidal* di rakaat yang terakhir. (Sila rujuk **LAMPIRAN A**).
5. Membaca wirid dan doa.
6. Solat sunat *ba'diyyah* Isyak.

C. SOLAT MALAM (QIAMULLAIL)

Disunatkan untuk menghidupkan *qiamullail* dengan amalan-amalan ketaatan antaranya :

1. **Solat-solat sunat :**
 - solat sunat Tahajjud
 - solat sunat Taubat
 - solat sunat Hajat
 - solat sunat Tasbih
 - solat sunat istikharah
 - solat sunat Witir

2. Zikir dan Doa

- Membaca al-Quran
- Membaca istighfar
- Membaca selawat
- Membaca tasbih dan zikir
- Membaca doa

4. PENUTUP

Semoga dengan panduan yang disediakan ini dapat membantu umat Islam khususnya di Negeri Sarawak dalam menghidupkan malam Nisfu Sya'ban dan memperolehi keistimewaan yang disediakan padanya.

**Pejabat Imam Besar,
Pejabat Majlis Islam Sarawak,
Majlis Islam Sarawak.**

24 Februari 2024M/ 14 Sya'ban 1445H

PANDUAN MEMBACA QUNUT NAZILAH DALAM SOLAT

Qunut nazilah ertinya membaca doa kerana sesuatu bala bencana supaya kita dilindungi Allah dari bahaya.

Cara Membaca Qunut Nazilah

1. Qunut Nazilah boleh dibaca pada setiap solat fardhu (iaitu Zohor, Asar, Maghrib, Isyak dan Subuh) dan solat Jumaat.
2. Dibaca pada rakaat terakhir. Contohnya, dalam rakaat kedua pada solat fardhu Jumaat.
3. Dibaca dalam keadaan berdiri, semasa iktidal, sebelum bergerak turun untuk sujud.
4. Dibaca oleh imam dengan suara yang boleh didengari oleh makmum, dan makmum membaca ‘amin’. (Jika imam tidak hafal, maka bolehlah membaca sambil memegang kertas yang tertulis padanya doa qunut nazilah, atau diletakkan tulisan tersebut di hadapan imam).
5. Tidak perlu mengusap atau menyapu tangan ke muka setelah selesai membaca doa qunut nazilah, malah hendaklah terus sujud seperti biasa.

Peringatan: Imam hendaklah memberitahu para jemaah bahawa qunut akan dibaca di dalam solat agar mereka mengaminkan bersama doa tersebut.

DOA QUNUT NAZILAH

اللّٰهُمَّ اهْدِنَا فِيْمَنْ هَدَيْتَ، وَعَافِنَا فِيْمَنْ عَافَيْتَ، وَتَوَلَّنَا فِيْمَنْ تَوَلَّيْتَ،
 وَبَارِكْ لَنَا فِيْمَا أَعْطَيْتَ، وَقِنَا بِرَحْمَتِكَ شَرَّ مَا قَضَيْتَ، فَإِنَّكَ تَقْضِيْ وَلَا
 يُقْضَى عَلَيْكَ، وَإِنَّهُ لَا يَذِلُّ مَنْ وَالَّيْتَ، وَلَا يَعِزُّ مَنْ عَادَيْتَ، تَبَارَكْتَ
 رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ، فَلَكَ الْحَمْدُ عَلَى مَا قَضَيْتَ، وَنَسْتَغْفِرُكَ وَنَتُوبُ إِلَيْكَ،
 اللّٰهُمَّ أَعِزَّ إِلِّيْسَلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الْمُعْتَدِلِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِرَ أَعْدَاءَكَ
 أَعْدَاءَ الدِّينِ. اللّٰهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ وَحُصُونَصَا
 فِي فَلَسْطِينَ، وَارْفَعْ عَنْهُمُ الْقَحْطَ وَالْبَلَاءَ وَالْحَرْبَ وَالْاعْتِدَاءَ بِرَحْمَتِكَ
 يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

وَصَلَّى اللّٰهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمَّيِّ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

DOA YASIN

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، حَمْدًا يُوَافِي نِعْمَةُ وَيُكَافِي مَزِيدَهُ، يَا رَبَّنَا
لَكَ الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِي لِجَلَالِ وَجْهِكَ وَعَظِيمِ سُلْطَانِكَ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ بِحَقِّ يَسِّرِ الْقُرْءَانِ الْحَكِيمِ، وَبِمَنِ اخْتَرْتَهُ بِالرِّسَالَةِ وَالنُّبُوَّةِ
وَالْوِلَايَةِ وَالْهِدَايَةِ إِلَى صِرَاطِكَ الْمُسْتَقِيمِ، وَبِجَمِيعِ مَا جَاءَ بِهِ مِنْكَ
جِبْرِيلُ، تَنْزِيلَ الْعَزِيزِ الرَّحِيمِ، وَبِخَواصِ الْحُرُوفِ وَالْأَسْمَاءِ التَّامَّاتِ
وَبِمَا أَظْهَرْتَ فِي الْوُجُودِ لِكُلِّ مَوْجُودٍ مِنَ الْآيَاتِ الْبَيِّنَاتِ، وَبِخَفْيِ
لُطْفِكَ الْمُفَرِّجِ عَنْ كُلِّ مَهْمُومٍ، الْمُخْلِصِ لِكُلِّ مَدْيُونٍ، يَا مُجْرِيِ
الْبِحَارِ وَالْعُيُونِ، يَا مَنْ حَزَّإِنُهُ بَيْنَ الْكَافِ وَالنُّونِ، وَعَلِمْ بِمَا كَانَ
قَبْلَ أَنْ يَكُونَ.

وَنَسْأَلُكَ اللَّهُمَّ أَنْ تَسْلُكَ بِنَا جَادَةَ رِضَاكَ، وَأَنْ تَجْعَلَنَا أَهْلًا
وَمَحَلًا لِسَعَادَتِكَ وَغِنَاكَ، وَأَنْ تُيَسِّرَ لَنَا جَمِيعَ الْمُرَادَاتِ
وَالْمَطَالِبِ، وَأَنْ تَجْعَلَ رِضَاكَ عَنَّا خَيْرًا مُصَاحِبٍ لَنَا وَرَفِيقٍ، وَأَنْ

تُتْحِفَنَا بِالْجَلَالِ وَالْمَهَابِ، وَأَنْ تَمْنَ عَلَيْنَا بِسُرْعَةِ الإِجَابَةِ.
إِسْتَجِبْ اللَّهُمَّ دُعَاءَنَا، وَحَقِّقْ فِيَكَ رَجَاءَنَا، وَأَدْخِلْنَا فِي حِرْزِ
لُطْفِكَ الْمَصْوُنِ بِسِرِّ قَوْلِكَ :

إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذَا أَرَادَ شَيْئاً أَنْ يَقُولَ لَهُ وَكُنْ فَيَكُونُ ٨٢

فَسُبْحَانَ الَّذِي بِيَدِهِ مَلَكُوتُ كُلِّ شَيْءٍ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ٨٣

سُبْحَانَ الْمُنَفِّسِ عَنْ كُلِّ مَهْمُومٍ، سُبْحَانَ الْمُنَفِّسِ عَنْ كُلِّ
مَغْمُومٍ، سُبْحَانَ الْمُنَفِّسِ عَنْ كُلِّ مَدْيُونٍ. سُبْحَانَ مَنْ أَمْرُهُ إِذَا
أَرَادَ شَيْئاً أَنْ يَقُولَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ.

يَا مُفَرِّجَ الْهُمُومِ، يَا مُفَرِّجَ فَرَّجٍ، يَا مُفَرِّجَ فَرَّجٍ، فَرَّجْ عَنَّا هُمُومَنَا يَا
حَيٌّ يَا قَيْوُمُ، يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ
لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

DOA NISFU SYA'BAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ
الْأَئْنِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ يَا ذَا الْمَنِّ وَلَا يُمْنَثُ عَلَيْهِ، يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ، يَا ذَا الطُّولِ
وَالْإِنْعَامِ، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ ظَهَرَ الْلَّاجِينَ، وَجَارَ الْمُسْتَحِيرِينَ، وَمَأْمَنَ
الْخَائِفِينَ.

اللَّهُمَّ إِنْ كُنْتَ كَتَبْتَنَا عِنْدَكَ أَشْقِيَاءَ أَوْ مَحْرُومِينَ أَوْ مَطْرُودِينَ أَوْ
مُقَتَّرِينَ عَلَيْنَا فِي الرِّزْقِ، فَامْحُ اللَّهُمَّ بِفَضْلِكَ شَقَاوَتَنَا وَحِرْمَانَنَا وَطَرْدَنَا
وَإِقْتَارَ أَرْزَاقِنَا، وَأَثْبِتَنَا عِنْدَكَ سُعَادَاءَ مَرْزُوقِينَ مُوْفَقِينَ لِلْخَيْرَاتِ، فَإِنَّكَ
قُلْتَ وَقَوْلُكَ الْحَقُّ فِي كِتَابِكَ الْمُنْزَلِ عَلَى لِسَانِ نَبِيِّكَ الْمُرْسَلِ:
"يَمْحُوا اللَّهُ مَا يَشَاءُ وَيُثْبِتُ وَعِنْدَهُ أُمُّ الْكِتَابِ"

إِلَهِي بِالتَّجَلِّي الْأَعْظَمِ فِي لَيْلَةِ النِّصْفِ مِنْ شَهْرِ شَعْبَانَ الْمُكَرَّمِ الَّتِي
يُفْرَقُ فِيهَا كُلُّ أَمْرٍ حَكِيمٍ وَيُبَرَّمُ، نَسْأَلُكَ أَنْ تَكْشِفَ عَنَّا مِنَ الْبَلَاءِ مَا
نَعْلَمُ وَمَا لَا نَعْلَمُ وَمَا أَنْتَ بِهِ أَعْلَمُ، إِنَّكَ أَنْتَ الْأَعَزُّ الْأَكْرَمُ.¹

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ
رَبِّ الْعَالَمِينَ.

¹ Sayyid Muhammad bin Alwi al-Maliki, *Maaza fi Sya'ban*, hal. 105-106.

Maksudnya :

Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang Memelihara dan Mentadbirkan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas penghulu kami Muhammad, semulia-mulia nabi dan rasul, dan juga kepada keluarganya dan para sahabatnya.

Wahai Tuhan kami yang Maha Pemberi, Engkau tidak memerlukan pemberian. Wahai Tuhan Pemilik Kebesaran dan Kemuliaan. Wahai Tuhan pemberi segala Kekayaan dan segala nikmat. Tiada Tuhan selain Engkau, kekuatan orang yang meminta pertolongan, lindungan orang yang mencari perlindungan, dan tempat yang aman bagi orang yang ketakutan.

Tuhan kami, seandainya Engkau mencatatkan bagi diri kami di sisi-Mu sebagai orang yang sengsara, tertegah, tertolak, atau orang yang sempit rezeki, maka ya Tuhan kami, hapuskanlah dengan limpah kurnia-Mu kesengsaraan, tertegahnya, tertolaknya dan sempitnya rezeki kami itu. Sebaliknya, tetapkanlah kami di sisi-Mu sebagai orang yang bahagia, murah rezeki dan memperolehi taufiq-Mu untuk berbuat kebaikan. Sesungguhnya Engkau telah berfirman dan bahwasanya firman-Mu adalah benar di dalam kitab-Mu yang diturunkan melalui ucapan Rasul utusan-Mu :

“Allah menghapus dan menetapkan apa yang la kehendaki. Di sisi-Nya Lauh Mahfudz.”

Ya Tuhan kami, dengan keagungan-Mu pada malam Nisfu Sya’ban yang mulia ini yang dipisahkan tiap-tiap persoalan dan utusan yang tepat dan yang dipastikan, bahawa kami memohon ya Allah, agar Engkau singkirkan dari kami bala bencana, yang kami ketahui mahupun yang tidak kami ketahui, Engkau lah yang Maha Mengetahui, Sesungguhnya Engkau Maha Mulia dan Maha Pemurah.

Semoga Allah mengurniakan kebahagiaan dan kesejahteraan atas junjungan kami Muhammad sallallahu alaihi wasallam, keluarga dan para sahabat baginda sekaliannya. Segala puji bagi Allah subhanahu wata'ala.